



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**TAHAP TEKANAN EKONOMI DAN IMPAKNYA
KEATAS PERBELANJAAN KELUARGA**

SYUHAILY OSMAN

FEM 2000 5

**TAHAP TEKANAN EKONOMI DAN IMPAKNYA
KE ATAS PERBELANJAAN KELUARGA**

Oleh

SYUHAILY OSMAN

**Tesis Ini Disediakan bagi Memenuhi Keperluan untuk
Ijazah Master Sains di Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia**

Jun 2000



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains.

**TAHAP TEKANAN EKONOMI DAN IMPAKNYA
KE ATAS PERBELANJAAN KELUARGA**

Oleh

SYUHAILY OSMAN

Jun 2000

Pengerusi: Profesor Madya Dr. Halimah Ahmad, Ph.D.

Fakulti: Ekologi Manusia

Kejatuhan nilai ringgit yang dialami oleh Malaysia mulai pertengahan tahun 1997 memberi kesan kepada pertumbuhan dan pembangunan bagi semua sektor. Memahami bagaimana pengguna bertingkahlaku semasa krisis ekonomi ini adalah penting dalam usaha mempercepatkan proses pemulihan ekonomi. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap tekanan ekonomi dan impaknya ke atas perbelanjaan keluarga semasa kegawatan ekonomi negara.

Sampel kajian dipilih di kalangan 211 buah keluarga yang mempunyai ketua keluarga yang diberhentikan atau berhenti kerana daripada kegawatan ekonomi yang berlaku atau sedang bekerja dalam sektor swasta semasa kajian ini dijalankan. Data telah dikumpulkan melalui borang soal selidik yang diisi sendiri. Tahap tekanan ekonomi responden diukur dengan menggunakan empat dimensi tekanan ekonomi iaitu (1) Ketidakstabilan Pekerjaan, (2) Pengurangan Ekonomi, (3) Ketidakpastian Pekerjaan dan (4) Kekangan Ekonomi. Hipotesis kajian ini menyatakan bahawa keluarga yang diketuai oleh wanita berbangsa Melayu/Bumiputra, tinggal di bandar

diketuai oleh wanita berbangsa Melayu/Bumiputra, tinggal di bandar besar, mempunyai bilangan tanggungan yang ramai, berpendapatan kurang dari RM500 sebulan, mempunyai tahap hutang yang tinggi dan tahap simpanan yang rendah akan mengalami tahap tekanan ekonomi yang lebih tinggi berbanding isirumah lain.

Hasil kajian menunjukkan bahawa sebanyak 20.4% responden mengalami tahap tekanan ekonomi rendah dan majoriti responden (79.6%) mengalami tahap tekanan ekonomi yang sederhana dan tinggi. Didapati bahawa keluarga yang diketuai oleh wanita berbangsa Melayu/Bumiputra, tinggal di kampung, mempunyai pendidikan setakat sekolah menengah sahaja dan memperolehi pendapatan kurang dari RM1000 sebulan mengalami tahap tekanan ekonomi yang lebih tinggi berbanding keluarga lain. Analisis Korelasi Pearson menunjukkan bahawa terdapat perkaitan signifikan yang positif di antara tahap hutang dengan tahap tekanan ekonomi ($r=0.467$, $p\leq0.05$). Sebaliknya, perkaitan signifikan yang negatif diperolehi di antara tahap simpanan dengan tahap tekanan ekonomi ($r=-0.220$, $p\leq0.05$). Ujian Regresi Pelbagai pula menunjukkan bahawa tahap hutang lebih mempengaruhi tahap tekanan ekonomi berbanding dengan faktor yang lain termasuk tahap simpanan

Kajian ini mendapati bahawa tahap tekanan ekonomi mempengaruhi perbelanjaan keluarga. Keluarga yang mengalami tahap tekanan ekonomi sederhana dan tinggi lebih cenderung untuk mengurangkan perbelanjaan ke atas makanan luar, pakaian, bersiar-siar dan hiburan. Ini jelas menunjukkan bahawa wujudnya keperluan dan permintaan yang berterusan dari keluarga untuk diberi pendedahan secara informal tentang kemahiran pengurusan kewangan daripada kerajaan dan bukan kerajaan.

**Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment
of the requirement for the degree of Master of Science.**

**THE LEVEL OF ECONOMIC STRESS AND ITS IMPACT
ON FAMILY EXPENDITURES**

By

SYUHAILY OSMAN

June 2000

Chairman: **Associate Professor Dr. Halimah Ahmad, Ph.D.**

Faculty: **Human Ecology**

The economic slowdown experienced by Malaysia since the middle of 1997 had affected the growth and development in all sectors. Understanding how consumers felt and behaved during economic crisis is crucial in order to hasten economic recovery. This research was therefore conducted with the purpose of studying the level of economic stress and its impact on family expenditures during the recent economic crisis.

The sample was chosen from among 211 families whose heads either voluntarily resigned or terminated from their service due to the economic crisis or were working in the private sector during the time of study. Data were collected using self-administered questionnaires. The respondents' level of economic stress was measured using four dimensions namely: (1) Employment Instability, (2) Economic Deprivation, (3) Employment Uncertainty and (4) Economic Strain. This study hypothesized that families headed by Malay/Bumiputra women, lived in big town,

had many dependents, had family income less than RM500 per month and had high level of debt and low level of savings would experience higher level of economic stress.

The findings indicated that only 20.4% of respondents experienced low level of economic stress, while the majority of them (79.6%) had experienced medium to high level of economic stress. It was further revealed that families headed by Malay/Bumiputra women, lived in rural areas, had attained up to secondary level of education and had income of less than RM1000 per month had experienced higher level of economic stress as compared to other families. Pearson Correlation analysis revealed significant positive relationship between level of debt and the level of economic stress ($r=0.467$, $p\leq 0.05$), and a significant negative relationship was observed between level of savings and the level of economic stress ($r=-0.220$, $p\leq 0.05$). Further analysis using Multiple Regression showed that respondents' level of debt had bigger influence towards the level of economic stress as compared to other factors including their savings.

It was found that the level of economic stress influenced family expenditures. For those who experienced medium and high level of economic stress, they would reduce expenditures on eating out, clothing, vacation and entertainment. These results clearly indicated that there is a continuous need and demands for families to receive informal exposure to financial management skills through government or non-government agencies.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah S.W.T. Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Selawat Dan Salam Buat Junjungan Mulia Rasulullah S. A. W.

Bersyukur saya ke hadrat Allah S. W. T. kerana dengan limpah kurniaNya serta keizinanNya, dapatlah saya menyiapkan tesis ijazah sarjana yang bertajuk “Tahap Tekanan Ekonomi dan Impaknya ke atas Perbelanjaan Keluarga” ini dalam tempoh yang diberikan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Halimah Ahmad selaku penyelia tesis sarjana ini di atas segala bimbingan, panduan dan tunjukajar yang telah diberikan. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga ini juga ditujukan khas kepada Prof. Madya Dr. Laily Paim dan Dr. Ahmad Hariza Hashim selaku ahli jawatankuasa penyeliaan yang telah banyak membantu. Tanpa bantuan, dorongan, sumbangan idea dan tunjuk ajar serta semangat yang diberikan, sukar untuk saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Dr. Majid Konting di atas tunjuk ajar yang telah disumbangkan terutamanya semasa peringkat persampelan dan penganalisisan data. Saya juga ingin merakamkan rasa terhutang budi dan terima kasih kepada Puan Wook Endut dari Jabatan Analisis Ekonomi dan Desa Awam, Fakulti Ekonomi, UKM dan Prof. Madya Dr. Shamsinar Md. Sidin dari Jabatan Pengurusan dan Pemasaran, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UPM di atas kesudian

mereka meluangkan masa menyemak dan memperbaiki borang soal selidik bagi menjayakan lagi kajian ini supaya hasil yang diperolehi mencapai matlamatnya.

Ucapan terima kasih ini turut disampaikan kepada para penolong pendaftar dan kerani akademik di fakulti-fakulti yang terlibat dalam kajian ini. Tanpa bantuan dan kerjasama yang diberikan, proses mendapatkan data pekerjaan penjaga pelajar dalam program yang terlibat merupakan suatu perkara yang amat sukar.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih ini ditujukan buat warga Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajaran Pengguna yang banyak memberikan nasihat dan dorongan di sepanjang saya menjalankan kajian ini. Juga kepada Cik Cheah Yee Leng yang banyak membantu secara tidak langsung. Terima kasih juga kepada Badriya yang turut sama membantu dalam memberikan semangat di sepanjang proses penulisan kajian ini.

Setinggi penghargaan ini juga ditujukan khas buat suami tersayang, Abdullah Ismail dan anakanda tercinta, Nurul Akmal Abdullah serta ahli keluarga yang lain di atas sokongan dan semangat telah dicurahkan selama ini. Segala pengorbanan dan doa kalian amat dihargai dan akan dikenang selamanya.

Akhir kata, sekali lagi diucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung maupun secara tidak langsung. Bantuan dan jasa baik yang

dicurahkan amat dihargai dan Allah sahaja yang dapat membalaunya. Semoga ianya akan diberkati oleh Allah S. W. T.

**“Hancur badan dikandung tanah,
budi yang baik dikenang jua”**

LEMBARAN PENGESAHAN

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi sebahagian syarat keperluan untuk ijazah Master Sains.

**KAMIS AWANG, Ph.D
Profesor Madya
Dekan Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia.**

Tarikh:

KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
LEMBARAN PENGESAHAN	ix
PENYATAAN KEASLIAN	xi
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv

BAB

I PENDAHULUAN	1
Pengenalan	1
Kenyataan Masalah	3
Kepentingan Kajian	6
Objektif Kajian	8
Objektif Am	8
Objektif Khusus	8
Hipotesis Kajian	9
Limitasi Kajian	10
Definisi Istilah	10
II TINJAUAN KAJIAN LEPAS	17
Keluarga Sebagai Unit Ekonomi	17
Keluarga dan Keadaan Ekonomi	20
Tekanan Ekonomi Keluarga Semasa Kegawatan Ekonomi Negara	22
Impak Tekanan Ekonomi ke atas Perbelanjaan Keluarga	28
Pengurusan Kewangan Keluarga	30
Perspektif Konsepsual Terhadap Tekanan Ekonomi	35
Model Dimensi Kesukaran Ekonomi	36
Teori “Long-Wave”	38
Kerangka Konsepsual Kajian	40
III METODOLOGI	44
Populasi Kajian	44
Rekabentuk Persampelan	44
Instrumentasi Kajian	47
Angkubah Kajian	49
Angkubah Bersandar	49
Angkubah Bebas	50
Pra-Uji	54

Ujian Validiti	55
Ujian Reliabiliti	56
Ujian Reliabiliti ke atas Indeks Tekanan Ekonomi	57
Ujian Reliabiliti ke atas Hutang dan Simpanan	59
Pengumpulan Data	60
Penganalisisan Data	61
Analisis Diskriptif	61
Analisis Statistik	61
 IV HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	 64
Latarbelakang Sosiodemografi	64
Latarbelakang Sosioekonomi	66
Hutang	68
Simpanan	71
Tekanan Ekonomi ke atas Keluarga	72
Pengujian Hipotesis	82
Profil Keluarga Mengikut Tahap Tekanan Ekonomi	92
Keluarga yang Mengalami Tahap Tekanan Ekonomi Rendah	92
Keluarga yang Mengalami Tahap Tekanan Ekonomi Sederhana	93
Keluarga yang Mengalami Tahap Tekanan Ekonomi Tinggi	93
Impak Tekanan Ekonomi ke atas Perbelanjaan Keluarga	95
 V RUMUSAN DAN CADANGAN	 99
Ringkasan Penemuan	99
Cadangan dan Implikasi Kajian	104
Kesimpulan	113
 BIBLIOGRAFI	 115
 LAMPIRAN	
Lampiran 1 : Borang Soal Selidik	120
Lampiran 2 : Jadual 1 -Taburan Pekerjaan Utama Responden	129
Lampiran 3 : Jadual 2- Taburan Pekerjaan Sampingan Responden	130
Lampiran 4 : Jadual 3– Perlakuan Terhadap Hutang (bagi mereka yang berhutang sebelum kegawatan)	131
Lampiran 5 : Jadual 4– Perlakuan Terhadap Hutang (bagi mereka yang berhutang semasa kegawatan)	132
Lampiran 6 : Jadual 5 – Perlakuan Terhadap Simpanan (bagi mereka yang menyimpan sebelum kegawatan)	133
Lampiran 7 : Jadual 6– Perlakuan Terhadap Simpanan (bagi mereka yang menyimpan semasa kegawatan)	134
Lampiran 8 : Jadual 7 – Hasil Analisis Anova	135
Lampiran 9 : Surat kepada Fakulti	136
Lampiran 10 : Surat kepada Responden	138
 VITA	 140

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1 Program Pengajian dan Fakulti yang Terlibat dalam Kajian		47
2 Nilai Alpha Reliabiliti bagi Indeks Tekanan Ekonomi		58
3 Nilai Alpha Reliabiliti bagi Hutang dan Simpanan		59
4 Latarbelakang Sosiodemografi Responden dan Keluarga		65
5 Taburan Pendapatan Bulanan dari Pekerjaan Utama, Sampingan, Sumber Lain dan Tahap Pendidikan Responden		67
6 Tahap Hutang Responden dan Keluarga Sebelum dan Semasa Kegawatan		70
7 Tahap Simpanan Responden dan Keluarga Sebelum dan Semasa Kegawatan		72
8 Indeks Tekanan Ekonomi – Ketidakstabilan Pekerjaan (Employment Instability)		75
9 Indeks Tekanan Ekonomi – Pengurangan Ekonomi (Economic Deprivation)		77
10 Indeks Tekanan Ekonomi – Ketidakpastian Pekerjaan (Employment Uncertainty)		79
11 Indeks Tekanan Ekonomi – Kekangan Ekonomi (Economic Strain)		81
12 Tahap Tekanan Ekonomi		82
13 Nilai r Korelasi Pearson bagi Angkubah Kajian		89
14 Hasil Analisis Regresi di antara Hutang dan Simpanan dengan Tahap Tekanan Ekonomi		91
15 Profil Keluarga Mengikut Tahap Tekanan Ekonomi		94
16 Perbezaan Corak Perbelanjaan Keluarga Mengikut Tahap Tekanan Ekonomi		98

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Dimensi Kesukaran (Economic Hardship) yang Dikaitkan dengan Pengalaman Tekanan Ekonomi Keluarga	38
2	Kerangka Konsepsual Kajian	43
3	Proses Pemilihan Sampel Kajian	46

BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan

Ekonomi negara telah menunjukkan perkembangan yang pesat dan kukuh sejak lapan tahun yang lepas (Laporan Ekonomi Malaysia, 1995/1996) iaitu selepas berlakunya kemelesetan ekonomi antara tahun 1985-1987. Keadaan ini telah membolehkan rakyat Malaysia menikmati pertumbuhan pendapatan yang tinggi. Pendapatan per kapita penduduk telah meningkat kepada RM10,068.00 pada tahun 1995 iaitu lebih dua kali ganda berbanding tahun 1987 (Laporan Ekonomi Malaysia, 1995/1996). Pendapatan per kapita yang meningkat serta peluang pekerjaan yang lebih meluas telah membantu mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup rakyat Malaysia secara amnya.

Namun begitu, pada penghujung tahun 1990-an, negara Malaysia menghadapi suatu krisis yang amat besar dari segi pertumbuhan ekonominya. Kegawatan ekonomi negara mula terasa sejak pertengahan tahun 1997, apabila negara-negara ASEAN dilanda krisis kewangan berikutan dengan pengapungan baht Thailand pada Julai 1997 (Laporan Ekonomi Malaysia, 1997/1998). Krisis ini berpunca daripada kurangnya keyakinan pelabur asing terhadap kemampuan pertumbuhan ekonomi di rantau ini. Keadaan ini telah menyebabkan pengaliran

keluar dana asing yang besar secara mendadak sehingga mengakibatkan kejatuhan harga saham dan nilai matawang beberapa negara ASEAN termasuk Malaysia.

Semasa ekonomi Malaysia berkembang pesat, suatu gaya hidup baru telah muncul di kalangan pengguna di Malaysia (Perumal, 1998). Menurut beliau, kebanyakan pengguna mengamalkan corak berbelanja, penggunaan barang dan perkhidmatan serta penggunaan kredit yang berlebihan dan membazir. Pengguna banyak membeli barang dan perkhidmatan yang mahal dan kebanyakannya diimport dari luar negara, yang dianggap lebih bernilai dan tinggi statusnya. Walau bagaimanapun, beliau menyarankan supaya pengguna meninggalkan cara hidup yang berasaskan kemewahan ini dan beralih kepada corak pengurusan kewangan yang lebih cekap dan mantap ekoran daripada krisis ekonomi yang dihadapi oleh negara ketika ini yang sudah semestinya turut dirasai oleh para pengguna.

Menurut Laporan Ekonomi Malaysia (1997/1998), akibat daripada pergolakan pasaran kewangan serantau dan dalam negeri, nilai ringgit telah jatuh 35% berbanding dolar AS iaitu daripada RM2.5279 = AS\$1 pada akhir tahun 1996 kepada kadar RM3.8883 = AS\$1 pada akhir tahun 1997. Ekonomi yang lemah ini memberi kesan yang mendalam di peringkat makro atau negara dan juga di peringkat mikro yang melibatkan keluarga dan individu sebagai suatu unit pengguna yang terbesar. Cabaran dan kesukaran ekoran dari kegawatan atau krisis ekonomi mengakibatkan ketidakpastian dalam pekerjaan dan pendapatan, serta peningkatan kos sara hidup secara keseluruhannya.

Sekiranya kegawatan ekonomi berpanjangan, ia akan memberi kesan yang serius terhadap prestasi ekonomi dan menjelaskan kekuahan sistem kewangan negara dan sekaligus memberi kesan yang mendalam terhadap kewangan keluarga. Ini kerana penyusutan nilai ringgit dan harga saham, sekiranya berlarutan, bukan sahaja akan meningkatkan tekanan inflasi tetapi juga akan menjelaskan kemampuan berbelanja pengguna.

Kenyataan Masalah

Sejarah Malaysia mencatatkan bahawa dari pertengahan tahun 1997 sehingga kini, negara mengalami masalah kegawatan ekonomi yang teruk. Kegawatan ekonomi negara telah menyebabkan berlakunya ‘krisis keyakinan’ di kalangan rakyat terutamanya di kalangan para pelabur dan penyimpan. Situasi ini seterusnya memerlukan rakyat menguruskan sumber kewangan keluarga mereka dengan sebaik mungkin.

Keadaan kegawatan ekonomi ini meninggalkan pelbagai tekanan dan kesan yang mendalam terhadap kehidupan masyarakat dan keluarga. Di antaranya termasuklah kehilangan pekerjaan yang mengakibatkan kehilangan pendapatan utama individu dan keluarga (Marlowe & Sproles, 1986), perasaan ketidakpastian terhadap masa depan pekerjaan, pendapatan yang dipotong (Duncan, 1987), dan kos sara hidup yang meningkat akibat dari kenaikan harga barang dan perkhidmatan.

Statistik telah memberikan gambaran yang jelas bahawa pengangguran merupakan kesan daripada perubahan ekonomi dan kegawatan yang berlaku dalam sesebuah negara (Vaydanoff, 1984). Data daripada panel “nationwide” di Amerika Syarikat (the Michigan Panel Study of Income Dynamics) menunjukkan bahawa sepertiga dari populasi yang dikaji mengalami kehilangan pendapatan sebanyak 50% atau lebih antara tahun 1969 dan 1980, iaitu jangkamasa di mana telah berlakunya krisis ekonomi yang besar (Duncan, 1987).

Di Malaysia, Laporan Ekonomi Malaysia (1998/1999) melaporkan bahawa sehingga 5 September 1998, seramai 59,970 pekerja telah diberhentikan. Jumlah ini adalah jauh lebih tinggi berbanding 18,863 pekerja yang diberhentikan kerja pada tahun 1997. Daripada jumlah yang diberhentikan kerja ini, 88.1% adalah pekerja tempatan, manakala bakinya (11.9%) adalah pekerja asing. Pekerja di sektor pembuatan merupakan 54.5% daripada jumlah tersebut, diikuti oleh 11.5% dari sektor perdagangan borong dan runcit, 11.3% dari sektor pembinaan, 8.2% dari sektor perkhidmatan kewangan, insuran, hartanah dan perniagaan, dan 5.5% dari sektor pertanian, perhutanan, ternakan dan perikanan. Berdasarkan laporan tersebut, jelas menunjukkan bahawa pekerja yang lebih banyak dibuang kerja adalah mereka yang terlibat dalam industri perkilangan terutamanya operator pengeluaran.

Gejala pemberhentian pekerja di Malaysia yang meningkat ini terutamanya dalam industri berkaitan pembinaan, perkilangan dan perkhidmatan adalah disebabkan oleh penstrukturran semula syarikat yang bertujuan untuk mengurangkan

kos bagi menanggani kemerosotan permintaan pasaran (Laporan Ekonomi Malaysia, 1998/1999).

Kegawatan ekonomi merupakan suatu peristiwa yang berulang mengikut pusingan masa yang tertentu. Ini dibuktikan oleh sejarah ekonomi Malaysia yang pernah mengalami kemelesetan antara tahun 1985-1987 dan berulang kembali pada akhir tahun 1990-an. Walaupun sebab kegawatan ini mungkin berbeza, namun kesannya adalah hampir sama, di mana rakyat mengalami tekanan berpunca daripada kehilangan pekerjaan, siswazah menganggur dan pemotongan pendapatan.

Selaras dengan penyederhanaan dalam aktiviti ekonomi tempatan ini, keadaan guna tenaga yang lebih lemah wujud pada tahun 1998 (Laporan Ekonomi Malaysia, 1997/1998). Kadar pengangguran juga didapati meningkat sedikit kepada 2.7% pada akhir tahun 1997 berbanding 2.5% pada tahun 1996. Manakala bagi tahun 1998 pula, kadar pengangguran meningkat dengan lebih tinggi iaitu kepada 4.9% (Laporan Ekonomi Malaysia, 1998/1999).

Berdasarkan latarbelakang di atas, beberapa persoalan menjadi asas kajian ini iaitu **sejauh manakah kegawatan ekonomi yang melanda negara memberi tekanan ekonomi kepada keluarga**. Secara lebih terperinci, kajian ini ingin menjawab soalan-soalan berikut :

- bagaimanakah tahap tekanan ekonomi yang dialami oleh keluarga?,
- **sejauh manakah kegawatan ekonomi ini memberi kesan ke atas pekerjaan dan pendapatan keluarga?**,

- apakah kesan kegawatan ini ke atas pengurusan kewangan keluarga dari segi hutang dan simpanan mereka? dan
- apakah impak kegawatan ekonomi ke atas perbelanjaan keluarga?

Kepentingan Kajian

Tingkahlaku pengurusan dan perancangan kewangan yang baik terutamanya semasa menghadapi kegawatan ekonomi adalah amat penting untuk mengelakkan masalah kewangan dan mengekalkan kesejahteraan serta kestabilan kewangan keluarga. Corak perbelanjaan yang diamalkan oleh sesebuah keluarga merupakan suatu aspek yang penting dalam menjamin kesejahteraan dan kehidupan berkeluarga.

Oleh yang demikian, hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan implikasi seperti berikut :

1. Memberi gambaran yang lebih jelas tentang impak kegawatan ekonomi ke atas kesejahteraan kewangan keluarga. Maklumat ini boleh digunakan dalam perancangan dan pengurusan kewangan keluarga yang lebih realistik dan sistematik terutamanya dalam menanggani kegawatan ekonomi. Ini kerana perubahan ekonomi telah menyebabkan peningkatan keperluan bagi keluarga untuk mendapat maklumat yang tepat dalam perancangan dan pengurusan kewangan (Slusher, 1990).
2. Memberi kesedaran kepada keluarga tentang kepentingan pengurusan kewangan keluarga. Melalui perancangan dan perbelanjaan yang berkesan, keluarga sebagai pengguna dapat membantu kerajaan membangunkan semula ekonomi negara

pengguna dapat membantu kerajaan membangunkan semula ekonomi negara dengan lebih pesat lagi dan secara timbal-baliknya, rakyat amnya dan keluarga khasnya akan turut menikmati kemudahan dari pembangunan yang dibuat oleh kerajaan.

3. Membantu dalam pembentukan program pendidikan dalam bidang pengurusan kewangan keluarga oleh para profesional serta mereka yang pakar di dalam bidang penasihat dan kaunseling keluarga. Program-program pendidikan ini amat penting untuk keluarga kerana di samping memberikan pengetahuan yang berguna, ia juga dapat menyediakan kemahiran dalam menguruskan kewangan keluarga serta menyesuaikan diri dan keluarga dalam situasi ekonomi yang sentiasa berubah.
4. Membantu kerajaan membentuk polisi yang sesuai berhubung dengan pengurusan kewangan yang lebih berkesan seperti untuk perlaksanaan jangka pendek dan jangka panjang. Polisi kerajaan ini amat penting dalam membantu rakyat membelanjakan wang mereka dengan lebih realistik terutamanya semasa menghadapi kegawatan ekonomi. Ini kerana masalah kegawatan kemungkinan akan berulang lagi sekiranya pengurusan kewangan yang berkesan tidak diamalkan samada di pihak kerajaan, badan-badan swasta, mahupun di peringkat keluarga dan individu.

Objektif Kajian

Objektif Am :

Untuk mengkaji tahap tekanan ekonomi dan impaknya ke atas perbelanjaan keluarga semasa kegawatan ekonomi.

Objektif Khusus :

1. Untuk mengukur tahap tekanan ekonomi keluarga semasa kegawatan ekonomi negara berdasarkan kepada indeks-indeks tekanan ekonomi.
2. Untuk mengenalpasti profil keluarga mengikut tahap tekanan ekonomi tertentu.
3. Untuk mengenalpasti perbezaan di antara ciri sosiodemografi iaitu jantina, bangsa dan tempat tinggal serta ciri sosioekonomi iaitu tahap pendidikan, jenis pekerjaan utama dan tahap pendapatan utama dengan tahap tekanan ekonomi yang dirasai oleh keluarga semasa kegawatan ekonomi.
4. Untuk mengenalpasti perkaitan di antara ciri sosiodemografi iaitu bilangan ahli dan bilangan tanggungan keluarga serta ciri sosioekonomi iaitu tahap hutang dan tahap simpanan dengan tahap tekanan ekonomi yang dirasai oleh keluarga semasa kegawatan ekonomi.
5. Untuk mengenalpasti impak tahap tekanan ekonomi terhadap perbelanjaan keluarga.

Hipotesis Kajian

- Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara jantina dengan tahap tekanan ekonomi yang dialami oleh keluarga.
- Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara bangsa dengan tahap tekanan ekonomi yang dialami oleh keluarga.
- Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tempat tinggal dengan tahap tekanan ekonomi yang dialami oleh keluarga.
- Ho4: Tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara bilangan ahli keluarga dengan tahap tekanan ekonomi yang dialami oleh keluarga.
- Ho5: Tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara bilangan tanggungan keluarga dengan tahap tekanan ekonomi yang dialami oleh keluarga.
- Ho6: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap pendidikan dengan tahap tekanan ekonomi yang dialami oleh keluarga.
- Ho7: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara jenis pekerjaan utama dengan tahap tekanan ekonomi yang dialami oleh keluarga.
- Ho8: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap pendapatan dengan tahap tekanan ekonomi yang dialami oleh keluarga.
- Ho9: Tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara tahap hutang dengan tahap tekanan ekonomi yang dialami oleh keluarga.
- Ho10: Tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara tahap simpanan dengan tahap tekanan ekonomi yang dialami oleh keluarga.